

617:

PARLIMEN-PELAJARAN

1975

KUALA LUMPUR, 7 APRIL (BERNAMA) - MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA PENGELOLAAN PEPERIKSAAN DI KEMENTERIANNYA TELAH DIKAJI SEMULA UNTUK MENJAMIN KEBOCORAN KERTAS PEPERIKSAAN TIDAK BERLAKU.

BEBERAPA PERATURAN BARU TELAH DIKENAKAN DI PERINGKAT LEMBAGA PEPERIKSAAN DAN PEJABAT PELAJARAN NEGERI UNTUK MEMPERKETATKAN KESELAMATAN KERTAS-KERTAS SOALAN.

DALAM JAWAPAN BERTULIS KEPADA ENCIK TING LING KIEW (SNAP-BINTULU) DR. MAHATHIR BERKATA RUNDINGAN-RUNDINGAN TELAH DIADAKAN DENGAN LEMBAGA PEPERIKSAAN TEMPATAN UNIVERSITI CAMBRIDGE DAN PARA PENCITAK YANG BERKENAAN DI LUAR NEGERI SUPAYA LANGKAH YANG LEBIH KETAT DIAMBIL BERHUBUNGAN DENGAN PENGELOLAAN PEPERIKSAAN.

MENJAWAP SOALAN ENCIK JAAFAR BIN HAMZAH (BN-JOHOR BAHRU) MENTERI ITU BERKATA PADA MASA INI KEMENTERIANNYA MENAJA PELAJAR-PELAJAR PERSENDIRIAN KE BRITAIN, INDONESIA, PAKISTAN DAN BANGLADESH. --
BERSAMBONG 1805/LK

619:

PARLIMEN-PELAJARAN 2 KUALA LUMPUR

MEREKA YANG INGIN BELAJAR DENGAN PERBELANJAAN SENDIRI KE NEGARA-NEGARA TERSEBUT PERLU MENDAPAT TAJAAN ATAU SOKONGAN KEMENTERIAN PELAJARAN SEBELUM MEMOHON VISA DARI KEDUTAAN ATAU SURUHANJAYA TINGGI YANG BERKENAAN.

MENTERI KERJARAYA DAN PENGANGKUTAN, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG BERKATA SEBANYAK 2,415 LESEN TEKSI TELAH DIKELUARKAN DALAM LIMA TAHUN YANG LALU.

MENJAWAB SOALAN BERTULIS ENCIK NGAN SIONG HING (DAP-KINTA) MENTERI ITU BERKATA PIHAKNYA SENTIASA MENIMBANG MENGELUARKAN LEBIH BANYAK LESEN TEKSI DAN KERETA SEWA JIKA MENDAPAT SOKONGAN DARI LEMBAGA PEMASIHAT ANGKA MATLAMAT. - BERNAMA 1809/LK